Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

Sejak ditubuhkan pada bulan Julai 1972, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) terus beroperasi sebagai agensi tunggal yang menyediakan lindungan jaminan kepada perusahaan kecil dan sederhana (SME). Berikutan penyuntikan modal baru berjumlah RM1 bilion pada tahun 2000, CGC telah meningkatkan kemudahaan kepada SME dan institusi-institusi perbankan melalui penambahan rangkaian cawangannya daripada empat kepada 10 buah cawangan pada penghujung Disember 2001. Dengan penubuhan sebuah cawangan setiap satu di Kota Kinabalu dan Kuching pada bulan Januari 2002, CGC kini mempunyai 12 buah cawangan, iaitu sebuah cawangan di setiap negeri, kecuali Perlis. Tanggungjawab utama cawangan-cawangan tersebut adalah untuk melaksanakan Skim Jaminan Laluan Terus yang membolehkan SME memohon secara terus kepada CGC untuk lindungan jaminan.

Pada 9 Julai 2001, CGC telah melancarkan gerbang perkhidmatan laman webnya melalui internet yang dikenali sebagai iGuarantee. Melalui iGuarantee, SME boleh mengemukakan permohonan pinjaman secara terus melalui laman web tersebut. Apabila permohonan-permohonan diluluskan oleh CGC, CGC kemudiannya membuka permohonan-permohonan tersebut untuk dibida oleh kesemua institusi perbankan. Selanjutnya CGC akan memaklumkan institusi-institusi perbankan yang terlibat mengenai keputusan lelongan tersebut melalui sistem iGuarantee. Dalam hal ini, institusi perbankan yang menawarkan cadangan yang terbaik berbanding dengan keperluan pemohon akan diberi peluang untuk membuat tindakan susulan dengan pemohon SME berkenaan.

CGC telah menerima 8,832 permohonan untuk lindungan jaminan yang bernilai RM1,698.2 juta di bawah pelbagai skim jaminan bagi tahun 2001 berbanding dengan 11,125 permohonan bagi tahun 2000. Daripada permohonan-permohonan yang diterima, sejumlah 6,839 permohonan atau 77.4% telah diluluskan dengan lindungan jaminan yang bernilai RM1,126.3 juta atau 66.3% daripada jumlah lindungan jaminan yang dipohon.

Skim-Skim Jaminan

Skim Jaminan Utama Baru (SJUB) adalah skim jaminan utama bagi CGC. Di bawah skim ini, CGC menyediakan lindungan jaminan untuk pinjaman berjumlah daripada RM50,000 hingga RM10 juta kepada perusahaan-perusahaan kecil (PK) dan SME. Daripada jumlah pinjaman yang diluluskan untuk jaminan bagi tahun 2001, 51.7% dari segi bilangan dan 74% dari segi nilai telah diluluskan di bawah SJUB. Walau bagaimanapun, bilangan dan nilai pinjaman yang dijamin di bawah skim tersebut telah menurun masing-masing sebanyak 50.7% ke 3,533 dan 40.9% ke RM1,175.6 juta pada penghujung Disember 2001 berikutan daripada permintaan pinjaman yang lebih rendah pada tahun tersebut terutamanya dari sektor perniagaan-perniagaan am dan perkilangan. Mengikut pecahan sektor ekonomi, 81% daripada pinjaman yang dikeluarkan di bawah skim tersebut telah disalurkan kepada perniagaan-perniagaan am.

Skim Jaminan Anjal (SJA) yang diperkenalkan pada tahun 1999 menawarkan lindungan jaminan untuk pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan di bawah tabung-tabung khas yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), iaitu Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana, Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) dan Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2). Pada tahun 2001, sejumlah 490 akaun pinjaman dengan nilai yang berjumlah RM131.9 juta telah dijamin di bawah SJA. Setakat akhir Disember 2001, CGC telah menjamin 2,426 akaun pinjaman dengan nilai yang berjumlah RM745.2 juta.

Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT) telah diperkenalkan pada bulan Julai 2000 untuk membolehkan SME mendapat pembiayaan daripada RM50,000 hingga RM1 juta dengan memohon terus melalui cawangan-cawangan CGC di seluruh negara. Semua permohonan di bawah SJLT akan dinilai dan diproses oleh CGC, yang kemudiannya akan mengaturkan pembiayaan yang diperlukan untuk dikeluarkan oleh institusi-institusi perbankan di dalam panel. Terdapat kemajuan yang besar di dalam skim baru ini di mana 436 akaun pinjaman bernilai RM160.4 juta diluluskan bagi tahun 2001 berbanding dengan 23 akaun pinjaman berjumlah RM5.8 juta untuk tahun 2000.

Di bawah **Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK)**, CGC menjamin 80% daripada pinjaman yang dikeluarkan oleh institusi-institusi perbankan kepada PK yang memerlukan pembiayaan berjumlah di antara RM10,000 dan

RM50,000. Sepanjang tahun 2001, sebanyak 2,292 akaun pinjaman bernilai RM77.7 juta telah diluluskan di bawah SJUK. Bagi memudahkan pemberian pinjaman kepada peminjam-peminjam Bumiputera, peranan SJUK telah dipertingkatkan melalui penyediaan 100% lindungan jaminan untuk pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan kepada peminjam-peminjam berkenaan oleh institusi-institusi perbankan di dalam panel.

Skim Pinjaman Francais (SPF), yang ditubuhkan pada tahun 1997 dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan disasarkan kepada usahawan-usahawan Bumiputera dengan perniagaan francais yang berdaya maju, tetapi kekurangan cagaran untuk mendapatkan pembiayaan biasa daripada institusi-institusi perbankan. Sepanjang tahun 2001, sejumlah 17 akaun pinjaman bernilai RM3.6 juta telah diluluskan di bawah skim tersebut. Sehingga akhir Disember 2001, CGC telah menjamin 93 akaun pinjaman bernilai RM24.5 juta.

Pentadbiran Tabung-Tabung Khas BNM

CGC terus mentadbir TIKS2, salah satu daripada tabung-tabung khas yang dikendalikan oleh BNM. Jumlah peruntukan untuk TIKS2 telah ditambah sebanyak RM200 juta kepada RM400 juta pada tahun 2001. Pada penghujung Disember 2001, sebanyak 752 permohonan dengan nilai pinjaman yang berjumlah RM357.3 juta telah diluluskan di bawah TIKS2. CGC juga telah dilantik untuk mentadbir satu lagi tabung khas yang dikendalikan oleh BNM, iaitu TUB2 berkuatkuasa 15 Julai 2001. TUB2 yang ditubuhkan berikutan penutupan Tabung Usahawan Baru terdahulu telah disediakan dengan peruntukan berjumlah RM250 juta. Pada akhir Disember 2001, sebanyak 356 permohonan dengan nilai pinjaman yang berjumlah RM176.2 juta telah diluluskan di bawah TUB2.

Pemberian Pinjaman Bank di bawah SJUB

	Jumlah diluluskan		Perubahan tahunan (%)
	2000	2001	
	RM juta		
Perniagaan am	1,647.1	952.8	–42.2
Di mana:			
Bangunan dan pembinaan	182.2	111.2	–39.0
Perdagangan am dan perniagaan barang runcit	1,088.0	676.6	–37.8
Pengangkutan dan pembaikan	92.3	59.5	–35.5
Perusahaan kecil	310.5	207.7	–33.1
Di mana:			
Makanan, minuman dan tembakau	15.7	18.2	15.9
Keluaran kayu dan perabot	63.3	39.7	–37.3
Tekstil dan pakaian	26.9	14.8	–45.0
Bahan binaan	5.2	7.1	36.5
Percetakan dan penerbitan	10.5	12.0	14.3
Pertanian	29.1	14.6	–49.8
Di mana:			
Penanaman dan pemasaran padi	0.0	0.3	–
Ternakan dan ayam itik	9.9	7.1	–28.3
Perikanan	5.0	2.3	–54.0
Perlombongan dan kuari	2.6	0.5	–80.8
Di mana:			
Galian lain	2.3	0.0	–100.0
Jumlah	**1,989.3**	**1,175.6**	**–40.9**

Sumber: Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad